

**JAWATAN KOSONG
KERAJAAN NEGERI TERENGGANU**

Permohonan adalah dipelawa daripada Rakyat Negeri Terengganu yang berkelayakan sahaja bagi memohon jawatan berikut:

A. JAWATAN KOSONG

1. **JAWATAN** : **PENOLONG PEGAWAI TANAH**

Kod Skim : 3LN06
Jabatan : Pelbagai Jabatan Kerajaan Negeri Terengganu
Klasifikasi : Pentadbiran Dan Sokongan
Kumpulan Perkhidmatan : Pelaksana

2. **JADUAL GAJI** : Gred NT29

Gaji Minimum	Gaji Maksimum	Kadar Kenaikan Gaji Tahunan
RM1,493.00	RM5,672.00	RM145.00

3. **SYARAT LANTIKAN :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (b) (i) sijil dalam bidang ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
- (Gaji permulaan ialah pada Gred NT29 : RM1,493.00); atau
- (ii) diploma dalam bidang ukur tanah, perancangan bandar dan wilayah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
- (Gaji permulaan ialah pada Gred NT29 : RM1,846.15).

4. **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B. TARAF JAWATAN :

TETAP

C. PENAKLUKAN DI BAWAH SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN :

Pegawai-pegawai yang dilantik adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari masa ke semasa.

D. PANDUAN PERMOHONAN ATAS TALIAN - ONLINE

1. Pemohon hendaklah terdiri daripada Rakyat Negeri Terengganu yang mana pemohon atau bapa pemohon dilahirkan di Negeri Terengganu atau memiliki Sijil Kerakyatan Negeri Terengganu.
2. Pemohon yang ingin mengisi borang **SPNTRe** ini hendaklah terdiri daripada mereka yang benar-benar ingin mengisi kekosongan jawatan di Perkhidmatan Kerajaan Negeri Terengganu.
3. Pemohon di kehendaki mengisi semua **MAKLUMAT** yang diperlukan dengan **BETUL, LENGKAP** dan **TEPAT**. Kesilapan mengisi borang adalah tanggungjawab pemohon dan **BOLEH MENYEBABKAN PERMOHONAN TIDAK DI PERTIMBANGKAN**.
4. Pemohonan atas Talian boleh di capai melalui alamat berikut <http://spn.terengganu.gov.my>

Keterangan Am

1. Pemohon boleh memohon sehingga lima (5) jawatan sahaja. Pemohon yang memenuhi syarat kelayakan serta melepasi tapisan yang ditetapkan akan dipanggil temu duga.
2. Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan awam negeri, perkhidmatan awam persekutuan, perkhidmatan kerajaan tempatan, perkhidmatan badan berkanun dan perkhidmatan polis/tentera samada secara tetap, kontrak atau sementara hendaklah mengisi alamat tempat bertugas di ruangan alamat (surat menyurat) dan juga mengembalikan **borang pengesahan ketua jabatan pada atau sebelum tarikh tutup iklan jawatan**.

E. TARIKH TUTUP :

25 APRIL 2017 (SELASA)

MAKLUMAN :-

1. Hanya calon yang disenarai pendek sahaja akan dipanggil temu duga.
2. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 3 bulan dari tarikh akhir temu duga hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.

Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Negeri,
Terengganu.

Bertarikh : 10 April 2017

Bersamaan : 13 Rejab 1438H